

5 sekeluarga maut ditembak

BERITA HARIAN

13/2/19

➔ Seorang wanita ditemui selamat di dalam almari

► **Blanchard**

Lima sekeluarga, termasuk seorang kanak-kanak berusia 15 bulan ditemui mati akibat ditembak dalam sebuah rumah di timur Texas, Amerika Syarikat, semalam.

"Pihak polis dan anggota penyelamat menerima panggilan pada jam 10.30 pagi (waktu tempatan) mengenai penemuan beberapa mangsa serangan di da-

lam sebuah kediaman di Texas di sini," kata pejabat Sherif Polk County dalam satu kenyataan di Facebook.

Polis mengenal pasti mayat

Menurut polis, mereka turut menemui beberapa mangsa yang cedera akibat ditembak di lokasi kejadian.

"Dua mayat lelaki ditemui di dalam rumah, sementara dua wanita dan seorang kanak-kanak perempuan ditemui di luar kediaman," kata polis.

Sementara itu, Timbalan Ketua Sherif, Byron Lyons, berkata pihak polis mengenal pasti mangsa yang maut sebagai Ashley Delaney dan suaminya, Randy Horn serta ibu dan bapa Delaney, Carlos dan Lynda Delaney.

Namun, Lyons berkata, identiti kanak-kanak itu belum diketahui dan mendedahkan seorang

wanita ditemui selamat selepas terkunci di dalam almari di bilik tidur.

"Wanita itu memberitahu pasukan penyiasat bahawa beliau terjaga pada jam 5.30 pagi (waktu tempatan), semalam selepas mendengar bunyi pergaduhan.

"Beliau kemudiannya menelefon anak lelakinya, yang memaklumkan pihak berkuasa pada jam 10.30 pagi (waktu tempatan)," kata polis.

Temui senjata

Dalam pada itu, Lyons berkata, pihaknya turut menemui senjata di dalam kediaman yang terletak kira-kira 121 kilometer di timur laut Houston dan setakat ini, tiada suspek ditahan.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut sama ada kejadian itu sebagai kes pembunuhan atau bunuh diri. **REUTERS/AGENCI**



Wanita itu memberitahu pasukan penyiasat bahawa beliau terjaga pada jam 5.30 pagi (waktu tempatan), semalam selepas mendengar bunyi pergaduhan"

Byron Lyons,
Timbalan Ketua
Sherif Polk County